



# LEMBAGA GETAH MALAYSIA

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kod Bidang **050200** serta kod bidang yang berkaitan sahaja yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebutharga berikut :-

9/5/2012

NO.TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH / TAKLIMAT MASA/TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN
LGM/UPD/64/2012	MENGUKUR, MENJAHIT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM UNTUK LEMBAGA GETAH MALAYSIA BAGI TAHUN 2012	Tarikh Taklimat : 15 Mei 2012 Masa : 11.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Unit Pentadbiran (UPD) Tingkat 15, Bangunan Getah Asli(Menara) 148 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur  Tarikh Jualan : 15 Mei 2012 - 25 Mei 2012 Masa : 8.30 pagi - 4.30 petang Tempat : Unit Pentadbiran (UPD) Jualan : Tingkat 15, Bangunan Getah Asli(Menara) 148 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur
<b>Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN</b>		

Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai tarikh dan alamat seperti di atas dengan menunjukkan sijil asal pendaftaran Kementerian Kewangan dan sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebutharga.

Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draf/Wang Pos atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan **sebelum atau pada 31hb Mei 2012 (Khamis), jam 12.00 tengahari.**

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)**  
**No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.**  
**(Peti No. 3 & 4)**

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutharga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.